LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR
***(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT*)**
TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING
NO. 2, JALAN TUN RAZAK
504000 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-40423633/40423657/
40423658/40425462
40425470/40425633
Telefak: 6-03-40415855

2 Mei 2001

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
BIL. 01/2001

MENINGKATKAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MELINDUNGI SEMUA BAHAN RADIOAKTIF, BAHAN NUKLEAR, BENDA DITETAPKAN DAN RADAS PENYINARAN

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen supaya meningkatkan pengawalan terhadap bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan dan radas penyinaran yang dimiliki, dipunyai dan yang berada di bawah pengawalan mereka.

LATARBELAKANG

2. Pada 12 Julai 1999, AELB telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Bil. 02/99 bertajuk "Meningkatkan Pematuhan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya" bagi mengingatkan pemegang lesen supaya meningkatkan komitmen dan menanamkan budaya keselamatan.

3. Namun demikian, memandangkan masih berlaku kejadian kehilangan bahan radioaktif dan seterusnya membahayakan terutamanya orang awam dari segenap laposan masyarakat, AELB membuat keputusan untuk mengeluarkan notis pemberitahuan ini bagi menekankan keperihatinan AELB mengenai perkara ini.

ARAHAN AELB

4. Dengan ini, semua pemegang lesen, pegawai perlindungan sinaran, penyelia dan pekerja sinaran yang memiliki, mempunyai, mengendali, menggunakan atau ada di bawah kawalannya apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas

penyinaran hendaklah bukan hanya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi kesemua bahan tersebut tetapi mempertingkatkan usaha bagi memastikan kehilangan bahan-bahan tersebut akibat kecurian, kelalaian atau sabotaj tidak berlaku.

5. Mulai **1 Oktober 2001**, pemegang-pemegang lesen aktiviti radiografi industri **tidak lagi dibenarkan berkongsi "Kemudahan Penstoran Sementara Bahan Radioaktif**" melainkan jika dapat membuktikan semua kehendak yang telah ditetapkan oleh AELB dari segi keselamatan fizikal dan sistem keselamatan dipenuhi. Keputusan ini dibuat kerana kemungkinan berlakunya kehilangan atau kecurian bahan radioaktif adalah dari perkongsian Kemudahan Penstoran Bahan Radioaktif tanpa keselamatan fizikal atau sistem keselamatan yang ketat.

6. Mulai **1 Mei 2002**, AELB akan **menghapuskan jawatan Pembantu Pengendali** bagi aktiviti radiografi industri. Ini kerana pemeriksaan AELB mendapati pembantu-pembantu pengendali radiografi industri digunakan bagi tugas yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pembantu pengendali seperti mengendali peralatan radiografi. Masalah yang timbul adalah meningkatnya ketidakpatuhan semasa bekerja dengan sinaran seperti tidak menggunakan meter tinjau, menggunakan peralatan radiografi yang tidak disenggara dll yang akan meningkatkan kejadian dedahan sinaran yang tidak wajar kepada pekerja dan orang awam.

7. Sehubungan dengan itu, pemegang lesen aktiviti radiografi industri hendaklah menghantar pembantu-pembantu pengendali menjalani latihan dan lulus ujian bagi membolehkan mereka diiktiraf sebagai Pengendali (Radiografi Industri).

PENUTUP

8. Hanya melalui komitmen dan sikap berhati-hati semua pengguna aktiviti ini, kejadian kehilangan bahan-bahan yang berbahaya ini dapat diatasi dan dapat menjamin keselamatan orang awam, pekerja, harta benda dan alam sekitar dari bahaya sinaran.

9. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah,
Bahagian Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Tingkat 13, Plaza Pekeliling
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

e-mel : pbs@aelb.gov.my

Tel : 03-40423633
Faks : 03-40415855